

**BULETIN METEOROLOGI PERTANIAN 10 HARI**  
**DEKAD KETIGA MAC 2019**  
**(21hb– 31hb Mac 2019)**

## **PENDAHULUAN**

Semasa musim peralihan, kebanyakan negeri di pantai barat dan pedalaman Semenanjung, pantai barat Sabah dan tengah Sarawak mengalami ribut petir beserta hujan lebat dan angin kencang lazimnya berlaku dalam jangka masa yang singkat terutamanya pada waktu petang dan awal malam. Berdasarkan laporan pencerapan meteorologi, kebanyakan stesen utama telah merekodkan adanya bacaan hujan pada dekad ini berbanding dekad lalu yang mana pada tempoh itu cuaca adalah lebih kering. Untuk dekad ini, lebih separuh stesen-stesen meteorologi utama mencatatkan bacaan yang melebihi purata bagi semua pencerapan suhu, sinaran solar dan sejatan kecuali pencerapan hujan pada dekad ini adalah di bawah paras purata.

## **HUJAN**

Pada dekad ini, amnya beberapa tempat di Semenanjung Malaysia dan seluruh Sarawak telah merekodkan anomali hujan lebih 60% di bawah purata. Hanya satu dua tempat di Perak (Hilir Perak), Selangor (Sabak Bernam) dan Pahang (Batu Embun) serta di Sabah (Kudat, Sandakan dan Lahad Datu) merekodkan anomali hujan lebih 60% di atas purata dan pada paras purata.

Merujuk kepada Rajah 2, amnya beberapa kawasan di Malaysia telah mengalami keadaan cuaca yang sedikit lembap dengan jumlah hujan antara 45mm hingga 75mm kecuali di satu dua kawasan seperti di Machang (Kelantan), (Jempol) Negeri Sembilan, barat Johor, Miri (Sarawak) dan Kota Kinabalu (Sabah) dengan jumlah hujan kurang dari 15mm. Pada dekad ini, stesen Ipoh telah merekodkan jumlah hujan tertinggi iaitu 133mm beserta lapan hari hujan. Manakala stesen Sandakan pula merekodkan hujan harian tertinggi pada 22 Mac 2019 dengan bacaan 88.2mm.

Berdasarkan Indeks Hujan Piawai pada Rajah 3, semua tempat di Malaysia mencatatkan indeks yang normal untuk Mac 2019. Hanya stesen Sitiawan (Perak), Batu Pahat (Johor), Kuantan (Pahang) dan Kapit (Sarawak) mencatatkan indeks sangat kering manakala stesen Langkawi (Kedah), Kota Bharu (Kelantan), Kuching, Sibul dan Miri (Sarawak) mencatatkan indeks yang kering.

## **SUHU**

Secara umumnya, kawasan-kawasan tanah rendah di Malaysia merekodkan suhu di atas paras normal dengan nilai sisihan terbesar +3.1 °C dicatatkan di Subang (Selangor) dan Senai (Johor). Merujuk kepada Rajah 4 dan Rajah 5, kebanyakan kawasan tanah rendah di Malaysia menerima purata suhu harian dekad ini antara 26.5 °C hingga 30.3°C. Pada dekad ini, stesen utama Chuping (Perlis) dan Kuala Krai (Kelantan) telah merekodkan suhu tertinggi iaitu 37.6° C masing-masing pada 22 Mac dan 23 Mac yang lalu. Manakala suhu


terendah iaitu 19°C pula direkodkan di Pejabat Haiwan Machang (Kelantan). Purata suhu harian yang direkodkan di stesen tanah tinggi Cameron Highlands pula adalah 20.3°C dengan nilai suhu yang terendah dan tertinggi masing-masing adalah 15 °C dan 24.9 °C. Sisihan daripada purata suhu bagi kawasan ini adalah 1.8 °C bagi tempoh ini.

## SEJATAN


Secara umumnya, kebanyakan stesen merekodkan kadar sejatan harian melebihi purata terutamanya di Chuping dengan nilai sisihan daripada purata terbesar +2.9mm. Hanya stesen Bayan Lepas (Pulau Pinang), Mersing (Johor), Kuala Terengganu, Muadzam Shah (Pahang), Kuching dan Miri (Sarawak) serta di Labuan merekodkan bacaan kurang dari purata dengan nilai sisihan terbesar daripada purata -1.0mm direkodkan di Alor Setar (Kedah). Berdasarkan Rajah 6, rata-rata kawasan di Semenanjung merekodkan bacaan sejatan dari 4.5 hingga 5.5mm. Sarawak pula merekodkan bacaan yang kurang dari 4.0mm manakala Sabah Terdapat mencatatkan bacaan melebihi 5.5mm dengan bacaan tertinggi pada dekad ini, 6.2mm direkodkan di Kudat. Bacaan sejatan terendah pada dekad ini telah direkodkan di stesen Mardi Jerangau dengan bacaan 2.6mm. Stesen tanah tinggi Cameron Highlands pula mencatatkan bacaan sebanyak 3mm.

## SINARAN SOLAR


Pada dekad ini, kebanyakan stesen utama meteorologi mencatatkan sinaran solar di atas paras purata terutamanya stesen Miri dengan nilai sisihan tertinggi +3.9MJm<sup>-2</sup> melebihi purata. Hanya Alor Setar, Subang, Kuala Krai dan Kota Kinabalu merekodkan purata harian solar yang kurang dari purata dengan nilai sisihan terendah -1.7 MJm<sup>-2</sup> direkodkan di Kota Kinabalu. Berdasarkan Rajah 7, secara amnya Malaysia merekodkan purata harian sinaran solar dari 18 hingga 22MJm<sup>-2</sup>. Bacaan melebihi 22MJm<sup>-2</sup> lebih tertumpu di Sabah terutamanya di Sandakan dengan bacaan tertinggi 24.4MJm<sup>-2</sup>. Hanya satu sua tempat di Subang dan Kuching merekodkan bacaan terendah iaitu 17.4MJm<sup>-2</sup>. Manakala stesen tanah tinggi Cameron Highlands pula mencatatkan bacaan sebanyak 18.4MJm<sup>-2</sup>.




Rajah 1: Anomali Hujan




Rajah 2: Jumlah Hujan




Rajah 3: Indeks Hujan Piawai (Mac 2019)




**Rajah 4: Suhu Purata Minimum**



**Rajah 5: Suhu Purata Maksimum**



Rajah 6: Kadar Sejatan



Rajah 7: Sinaran Solar

Disediakan oleh:  
Pusat Iklim Nasional  
Jabatan Meteorologi Malaysia  
27-Apr-19